

29 APR 2002

(Bergambar)

AGONG, DR MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA SULTAN BRUNEI

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah hari ini membuat kunjungan bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah di sini hari ini.

Seri Paduka berdua meluangkan masa kira-kira 15 minit bersama-sama Sultan Brunei di penginapan tetamu diraja di sini.

Sultan Brunei serta rombongannya berlepas pulang tengah hari ini selepas empat hari berada di Malaysia atas undangan sempena pertabalan Tuanku Syed Sirajuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 Khamis lepas.

Sultan Brunei diiringi oleh Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pengiran Isteri Mariam.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut membuat kunjungan hormat bagi mengucapkan selamat jalan kepada Sultan Hassanal Bolkiah.

Dalam pertemuan yang berlangsung kira-kira 45 minit itu, Dr Mahathir turut diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan Menteri Pertanian Datuk Affendi Norwawi.

-- BERNAMA

WNZ AHH LAT